



INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PEKELILING PENGARAH

BIL.7 TAHUN 2020

PEKELILING SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pengarah berikutan peningkatan mendadak kes Covid19 di Seluruh Negeri Sabah dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak IPDAS mengambil perhatian yang serius mengenai Kenyataan YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan pada 1 Oktober 2020 mengenai Kawalan Rentas Daerah di Seluruh Negeri Sabah yang berkuatkuasa pada 3 - 16 Oktober 2020.
- 2.2 Rentetan dari itu, satu surat arahan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, JKM .100-4/62 bertarikh 2 Oktober 2020 telah dikeluarkan untuk menggesa semua pihak **mematuhi sepenuhnya** langkah-langkah pencegahan jangkitan Covid-19. Melalui surat ini, Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil keputusan untuk mengawal kehadiran penjawat awam di premis Kerajaan Negeri di tahap 50% pada setiap masa dalam tempoh 14 hari mulai 5 Oktober 2020.
- 2.3 Langkah-langkah ini merupakan imbalan terhadap peningkatan kes yang mendadak dan kluster Covid-19 di negeri Sabah yang dilaporkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Justeru, mengambil kira situasi ini, Pengurusan IPDAS prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar, staf dan semua pihak yang terlibat, maka, berikut adalah keputusan dan arahan yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan:

3.0 PELAKSANAAN

Semua warga IPDAS diminta untuk mengambil perhatian dan mematuhi arahan seperti berikut:

3.1 PELAJAR SEDIA ADA di IPDAS Keningau

- a) Semua pelajar sedia ada **HENDAKLAH** mengikuti peperiksaan akhir dan **tidak dibenarkan** pulang.
- b) Peperiksaan akhir akan diteruskan dengan pematuhan SOP yang ketat.
- c) Kebenaran pulang ke kediaman masing-masing hanya diberikan kepada pelajar Semester 5 DDI bagi tujuan persediaan Latihan Industri bermula pada 31 Oktober 2020 / Sabtu dan Semester 4 yang telah tamat pengajian bermula pada 17 Oktober 2020 / Sabtu.
- d) Pelajar semester/ program lain **kekall berada** di IPDAS dan diwajibkan mengikuti program pengukuhan yang akan dianjurkan oleh Pendaftar sepanjang cuti semester.
- e) Proses pengajaran dan pembelajaran semester baharu akan diadakan secara bersemuka dengan pematuhan SOP yang ketat sebagaimana yang ditetapkan oleh Cawangan Akademik.

3.2 PELAJAR BARU SIJIL PENGAJIAN ISLAM (SPI) SESI 2020/2022

- a) Proses pengambilan pelajar baharu Sijil Pengajian Islam akan dilaksanakan seperti berikut:

| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
|-----|--|--------------------|
| 1. | Keputusan Temuduga | 8 Oktober 2020 |
| 2. | Pendaftaran Pelajar Baharu | 22 Oktober 2020 |
| 3. | Minggu Mahabbah Mahasiswa Sesi 2020/2022 | 22-23 Oktober 2020 |
| 4. | Sesi Pengajian Semester 1 | 26 Oktober 2020 |

- b) Proses pendaftaran pelajar baharu, Minggu Mahabbah Mahasiswa IPDAS (MIMI) SPI Semester 1, Sesi 2020/2022 dan sesi Pengajaran dan Pembelajaran akan berlangsung secara dalam talian, sehingga diumumkan sebaliknya oleh Cawangan Akademik..

3.3 PELAJAR IPDAS KUDAT

Semua warga kerja dan pelajar IPDAS Kudat adalah tertakluk kepada garis panduan yang disediakan di **Lampiran A**, sehinggalah arahan sebaliknya di keluarkan khusus untuk IPDAS Kudat.

3.4 BEKERJA DARI RUMAH

- a) Sepanjang tempoh Kawalan Rentas Daerah di seluruh Negeri Sabah, konsep bekerja dari rumah (*work from home*) dibenarkan dengan syarat berikut:
 - i. Kakitangan yang berada di semenanjung Malaysia.
 - ii. Kakitangan yang mempunyai penyakit kronik, ibu mengandung dan Orang Kelainan Upaya (OKU).
 - iii. Kakitangan yang bergejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau selsema.
 - iv. Kakitangan yang mendapat arahan untuk kuarantin di rumah oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- b) Kakitangan di atas dibenarkan bekerja dari rumah bagi memutuskan rantai COVID-19 khususnya kakitangan dari kawasan zon merah atau yang bergejala atau yang mendapat perintah kuarantin di rumah oleh KKM.

3.5 KEWAJIPAN MEMATUHI ARAHAN KAWALAN RENTAS DAERAH

- a) Semua warga IPDAS **HENDAKLAH** mematuhi arahan Kawalan Rentas Daerah yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri yang berkuatkuasa pada 3 – 15 Oktober 2020. Amalan penjagaan sendiri amatlah dititikberatkan sepanjang tempoh kawalan ini.
- b) Semua aktiviti/ program IPDAS yang melibatkan rentas daerah hendaklah **dibatalkan** atau **dipinda** ke tarikh yang lain. Pelaksanaan program secara dalam talian adalah digalakkan.

3.6 KEWAJIPAN MEMATUHI STANDARD OPERASI PROSEDUR COVID-19

- a) Tanggungjawab Staf dan Kakitangan
 - i. Semua staf yang bertugas dalam kawasan IPDAS adalah dikategorikan sebagai petugas barisan hadapan. Pematuhan SOP semasa bertugas adalah **DIWAJIBKAN**.

- ii. Semua kakitangan yang memasuki atau berada di kawasan IPDAS **mesti** mengimbas QR Code menggunakan aplikasi MySejahtera.
- iii. Imbasan suhu badan adalah **diwajibkan** di lobi bangunan pentadbiran oleh pengawal keselamatan setiap hari bekerja.
- iv. Penjagaan kesihatan seperti mencuci tangan dan menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), penggunaan pelitup muka dan penjarakkan fizikal hendaklah diutamakan.
- v. Elakkan dan kurangkan pergerakan atau berkumpul.
- vi. Mengamalkan etika batuk dan bersin.
- vii. Berehat di rumah jika tidak sihat/ membuat pengakuan sendiri berkaitan status kesihatan.
- viii. Membawa bekalan makanan dari rumah adalah digalakkan.
- ix. Memastikan pengudaraan yang baik di tempat kerja.
- x. Menangguhkan mesyuarat, program dan acara berskala besar. Saranan jika boleh dilaksanakan secara dalam talian.
- xi. Menilai risiko perjalanan rasmi.
- xii. Meningkatkan aktiviti sanitasi di tempat-tempat berisiko dan tumpuan ramai.
- xiii. Menguatkuasakan peraturan sedia ada/ arahan/ pekeliling bagi staf dan pelajar mematuhi.
- xiv. Menyalurkan maklumat dan kempen kesedaran kepada warga IPDAS.
- xv. Bersedia bertindak sekiranya terdapat arahan baharu daripada pihak berkuasa yang berkenaan atau Kerajaan selaras dengan perkembangan terkini wabak Covid-19.

b) Tanggungjawab Pelajar

- i. Pergerakan keluar-masuk pelajar adalah **dihadkan dan dilarang**.
- ii. Elakkan ke tempat tumpuan ramai/ berkumpul.
- iii. Elakkan bersalaman dan bersentuhan dengan orang lain dan kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*.
- iv. Sentiasa menjaga kebersihan diri.
- v. Penggunaan ruang atau bilik guna sama seperti bilik serbaguna, tandas, bilik mandi, dewan makan **mestilah dihadkan** dan penjarakan fizikal hendaklah diutamakan.
- vi. Memakai pelitup muka dan hidung semasa berada di luar bilik.
- vii. Membawa *hand sanitizer* sendiri untuk digunakan semasa di luar bilik atau sekitar IPDAS.
- viii. Pelajar yang bergejala seperti demam, batuk, selsema dan sesak nafas hendaklah memaklumkan kepada pembantu asrama dan **DINASIHATKAN** untuk memastikan penjarakan dan kawalan sendiri.
- ix. Mematuhi segala peraturan yang sedang berkuatkuasa di IPDAS dari semasa ke semasa

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 3 Oktober 2020.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 3 Oktober 2020.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1** Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **WARGA IPDAS** dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2** Tempoh pelaksanaan arahan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak covid-19 dan arahan KKM dan MKN.
- 6.3** IPDAS akan segera memaklumkan kepada semua warga IPDAS (staf dan pelajar) sebarang pindaan atau pengemaskinian kepada pekeling ini sekiranya ada perubahan yang diputuskan oleh Kerajaan di masa akan datang.



HAJI MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK

Pengarah

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah

03 OKTOBER 2020

No. Fail: JAKIM.SBH/IPDAS 100-2/3 (110)

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH DAN SABAH (IPDAS) KAMPUS KUDAT DI SEPANJANG TEMPOH PENEMPATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) KAMPUS KUDAT

1.0 TUJUAN

Garis Panduan dikuatkuasakan bagi menyelaraskan penempatan pelajar IPDAS Kudat di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Kudat sepanjang tempoh IPDAS dijadikan pusat kuarantin oleh Majlis Keselamatan Negeri Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Malaysia melalui Perutusan khas YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah bermula sejak 10 Jun 2020 lepas dan akan diteruskan sehingga 31 Disember 2020. Dalam tempoh PKPP ini, banyak kelonggaran diberikan untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP yang ketat secara berterusan.
- 2.2 Melihat kepada perkembangan wabak pandemik Covid-19 yang semakin membimbangkan di Malaysia khususnya negeri Sabah mutakhir ini, maka banyak pusat kuarantin yang diarahkan untuk dibuka semula termasuklah pusat kuarantin di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat.
- 2.3 Namun demikian, Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah Kampus Kudat akan kekal melaksanakan pengajian secara bersemuka memandangkan pelajar yang sedia ada di IPDAS Kampus Kudat kini adalah terdiri daripada mereka yang tinggal di pedalaman negeri Sabah dan mempunyai capaian telekomunikasi yang kurang baik untuk perlaksanaan pengajian secara atas talian. Ia juga bersesuaian dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh MKN kepada IPDAS agar tidak membenarkan pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing.

2.4 Justeru, garis panduan ini menggariskan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan IPDAS Kampus Kudat dan pelajar sepanjang tempoh penempatan di penginapan UMS Kampus Kudat.

3.0 KELUAR MASUK DAN PENEMPATAN PELAJAR

3.1 Semua pelajar dikehendaki untuk membuat pemeriksaan suhu badan sebelum meninggalkan penginapan.

3.2 Semua pelajar dikehendaki menggunakan pelitup separuh muka (mask) ketika meninggalkan penginapan.

3.3 Semua pelajar dikehendaki menggunakan sanitasi tangan sebelum meninggalkan penginapan.

3.4 Pergerakan keluar masuk pelajar dari penginapan adalah seperti dalam jadual berikut;

| <u>HARI</u> | <u>MASA KELUAR</u> | <u>MASA MASUK</u> |
|----------------|--|-------------------|
| Isnin - Jumaat | Jam 6.30 Pagi | Jam 4.30 Petang |
| Sabtu-Ahad | Tidak dibenarkan keluar ** Melainkan atas kebenaran atau arahan tertentu dari pihak IPDAS Kampus Kudat | |

3.5 Pelajar hendaklah sentiasa memastikan kebersihan diri dan penginapan terjaga.

3.6 Peraturan penginapan yang ditetapkan oleh UMS Kampus Kudat adalah terpakai oleh semua pelajar dan staf sepanjang menginap di penginapan tersebut.

3.7 Warden akan tinggal bersama dengan pelajar sepanjang tempoh penempatan. Oleh itu, sebarang masalah yang berlaku sepanjang tempoh penempatan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Warden Asrama IPDAS Kampus Kudat atau sesiapa yang berkenaan di UMS Kampus Kudat.

3.8 Semua pelajar akan ditempatkan di penginapan seperti dalam jadual di **Lampiran B**.

3.9 Tidak dibenarkan membawa barangan elektrik selain daripada item berikut:

- a. Seterika (5 Buah untuk 1 Blok)
- b. Pemanas air (2 Buah untuk 1 Blok)

3.10 Sebarang kerosakan yang berlaku dalam blok penginapan UMS Kampus Kudat sepanjang tempoh penempatan adalah di bawah tanggungjawab pelajar yang menginap di blok berkenaan.

3.11 Barang berharga milik peribadi pelajar adalah di atas tanggungjawab dan risiko masing-masing.

4.0 PENGENDALIAN MAKAN DAN MINUM

4.1 Dewan makan IPDAS Kampus Kudat akan beroperasi seperti biasa untuk menyediakan hidangan makan dan minum kepada semua pelajar IPDAS Kampus Kudat.

4.2 Hidangan makan dan minum adalah secara berbungkus yang disediakan oleh pihak Dewan Makan IPDAS Kampus Kudat

4.3 Jadual dan tempat makan adalah seperti dalam jadual berikut;

| <u>BIL.</u> | <u>MASA</u> | <u>MAKAN & MINUM</u> | <u>TEMPAT</u> |
|---|------------------------------|--------------------------|---|
| 1 | 7.00 Pagi - 8.00 Pagi | Sarapan | Dewan Utama IPDAS Kampus Kudat ** Isnin - Jumaat |
| 2 | 10.30 Pagi - 11.00 Pagi | Minum Pagi | |
| 3 | 1.00 T/Hari - 2.00 Petang | Makan T/Hari | |
| 4 | 4.00 Petang - 5.00 Petang | Minum Petang | |
| 5 | 8.00 Malam-9.00 Malam | Makan Malam | Penginapan UMS Kampus Kudat |
| Sabtu dan Ahad | | | |
| ** Jadual makan minum pada hari Sabtu dan Ahad adalah berpusat di penginapan UMS Kampus Kudat | | | |

4.4 Penyedia hidangan hendaklah sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dengan memakai pelitup separuh muka (mask) dan

sentiasa membasuh tangan menggunakan sabun atau sanitasi tangan (*Hand Sanitizer*).

- 4.5 Pihak dewan makan dikehendaki menyediakan beg plastik sampah bagi mengumpulkan bekas makanan pelajar dan memastikan ia diurus dengan baik bagi memastikan kebersihan sentiasa terjaga.

5.0 AKTIVITI DI SURAU

- 5.1 Jadual aktiviti Surau Al-Hidayah IPDAS Kampus Kudat akan dilaksanakan di Surau UMS Kampus Kudat.
- 5.2 Pensyarah berkenaan akan hadir di Surau UMS Kampus Kudat untuk mengendalikan aktiviti tertentu sesuai dengan ketetapan dalam jadual sedia ada.
- 5.3 Pelajar dan pensyarah yang hadir di Surau UMS Kampus Kudat hendaklah membuat saringan suhu badan serta menggunakan pelitup separuh muka (mask) dan menggunakan sanitasi tangan (*Hand Sanitizer*).
- 5.4 Penjarakan fizikal hendaklah diambil kira ketika mendirikan solat di Surau UMS Kampus Kudat .
- 5.5 SOP semasa yang dikeluarkan oleh MKN adalah terpakai oleh semua pelajar dan pensyarah sepanjang tempoh penempatan di UMS Kampus Kudat

6.0 PELAJAR BERGEJALA

- 6.1 Pelajar yang sakit atau bergejala seperti demam, batuk, selesema, sesak nafas dan sakit tekak termasuk yang menghidap penyakit kronik akan terus dirujuk ke Hospital Daerah Kudat atau Klinik Kesihatan Daerah terdekat.
- 6.2 Pelajar akan dikuarantin atau diasingkan jika sekiranya diarahkan oleh pegawai perubatan/kesihatan setelah dirujuk ke Hospital/ Klinik Kesihatan.
- 6.3 Ibu bapa/penjaga diminta untuk mengambil pelajar berkenaan sekiranya perlu atau atas nasihat pegawai perubatan.

LAMPIRAN B**PENEMPATAN PELAJAR DI BLOK PENGINAPAN UMS KAMPUS KUDAT**

| <u>Bil.</u> | <u>Dorm</u> | <u>Blok</u> | <u>Bilik</u> | |
|--------------------|--------------------|--------------------|---------------------|----------------------|
| 1 | 1-5 (Putera) | A | 1 | Warden |
| | | | 2 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 3 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 4 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 5 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 6 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 7 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 8 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 9 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 10 | Pelajar (2 Orang) |
| 2 | 6-10 (Putera) | B | 1 | Warden |
| | | | 2 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 3 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 4 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 5 | Pelajar (2 Orang) |

| | | | | | |
|---|-----------------|----------|----|-------------------|----|
| | | | 6 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 7 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 8 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 9 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 10 | Pelajar Orang) | (2 |
| 3 | 1-5 (Puteri) | C | 1 | Warden | |
| | | | 2 | Pelajar Orang) | (3 |
| | | | 3 | Pelajar Orang) | (3 |
| | | | 4 | Pelajar Orang) | (3 |
| | | | 5 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 6 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 7 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 8 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 9 | Pelajar Orang) | (2 |
| | | | 10 | Pelajar Orang) | (2 |
| 4 | 6-10 | | 1 | Warden | |
| | | | 2 | Pelajar Orang) | (3 |

| | | | | |
|--|----------|----------|----|----------------------|
| | (Puteri) | D | 3 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 4 | Pelajar (3 Orang) |
| | | | 5 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 6 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 7 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 8 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 9 | Pelajar (2 Orang) |
| | | | 10 | Pelajar (2 Orang) |